



Rujukan : UKM PDF/224/3  
Tarikh : 12 Jamadilawal 1439H  
29 Januari 2018

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 2/2018**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN PELANJUTAN CUTI BELAJAR**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita Jabatan ini menarik perhatian YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan berkenaan dengan permohonan pelanjutan cuti belajar.

2. Keputusan Jawatankuasa Cuti Belajar dan Biasiswa telah menetapkan berkenaan dengan kriteria melalui surat Pemakluman Dasar Baharu Pelanjutan Biasiswa kepada Pelajar Tajaan Ijazah Doktor Falsafah Tajaan KPT dan syarat tambahan dari Bahagian ini seperti di Lampiran. **Pemohon juga adalah diminta untuk mengemukakan borang permohonan pelanjutan yang boleh diperolehi di laman sesawang <http://www.ukm.my/pendaftar/borangjp/>. Borang tersebut perlu dikemukakan ke Bahagian ini dengan lengkap berserta dokumen yang diperlukan.**

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/tuan/puan untuk memaklumkan perkara ini kepada staf di Fakulti/ Institut/Pusat Prof. Ulung/Datuk/Datin/tuan/puan. Sukacita dimaklumkan juga di sini bahawa Bahagian ini hanya akan memproses borang yang telah lengkap dan memenuhi syarat sahaja.

4. Sekiranya pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/tuan/puan mempunyai sebarang kemusykilan atau pertanyaan, pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UKM di talian 03-8911 8250 / 8251 / 8255 / 8226 / 8225 atau e-mel [upk.bsm@ukm.edu.my](mailto:upk.bsm@ukm.edu.my).

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Datin/tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai. Sekian dimaklumkan. Terima kasih.



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549


PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-8921 4888 E-mel: [pdftar@ukm.edu.my](mailto:pdftar@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

**'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'**

Salam hormat,

  
**ABD RAZAK HUSSIN**  
Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
s.k

Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
- Dekan  
Fakulti Perubatan
- Pengarah  
Pusat Perubatan UKM
- Prof. Dr. Ismail Mohd Saiboon  
Timbalan Dekan (Perkhidmatan Klinikal dan Sumber Manusia)  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM
- Ketua  
Jabatan Sumber Manusia  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

1. Kriteria yang digariskan oleh KPT dalam menggunakan syarat pelanjutan ini adalah:
- 1.1 Pemberian pelanjutan ini tidak boleh dianggap sebagai automatik tetapi berasaskan prinsip-prinsip '*merit of the case*' dengan mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pelajar antaranya:
    - a. Gangguan dari segi kelancaran penyelidikan seperti kerosakan peralatan dan kesukaran memperoleh bekalan/bahan penyelidikan;
    - b. Pertukaran penyelia atau tempat pengajian;
    - c. Nilai tambah dalam penyelidikan seperti keperluan menyediakan jurnal berimpak tinggi;
    - d. Kajian memerlukan masa lebih panjang dari dijangkakan walaupun pelajar telah mencuba sedaya-upaya; dan
    - e. Lain-lain pertimbangan dari semasa ke semasa.
  - 1.2 Pelanjutan yang dipohon hendaklah bersifat munasabah dan perlu diperakui oleh ketua jabatan/agensi masing-masing;
  - 1.3 Tempoh pelanjutan yang boleh dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada permohonan pelajar mengikut negara seperti berikut:

Peringkat kursus	Negara	Tempoh Asal (Biasiswa Penuh)	Pelanjutan			
			Dengan Biasiswa	Separa Biasiswa (yuran sahaja)	Tanpa Biasiswa dan Tanpa Gaji	Tempoh maksimum
PhD	Amerika Syarikat	48 bulan	Tiada	6 bulan	6 bulan dan arahan kembali bertugas	60 bulan
	United Kingdom	36 bulan	i. 3 bulan pertama ii. 3 bulan kedua	3 bulan	3 bulan dan arahan kembali bertugas	48 bulan
	Negara-negara Lain	36 bulan	i. 6 bulan pertama ii. 6 bulan kedua	6 bulan	6 bulan dan arahan kembali bertugas	60 bulan
	IPT Tempatan	36 bulan	i. 6 bulan pertama ii. 6 bulan kedua	6 bulan	6 bulan dan arahan kembali bertugas	60 bulan

- 1.4 Permohonan tempoh pelanjutan biasiswa ini hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pengajian asal melalui ketua jabatan/agensi masing-masing bersama justifikasi dan perakuan.

2. Syarat tambahan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar dan Biasiswa.

**JADUAL 1: Syarat Permohonan Pelanjutan Tempoh Pengajian**

Syarat Tambahan	Kes				
	Gangguan kelancaran penyelidikan	Pertukaran penyelia atau tempat pengajian	Nilai tambah dalam penyelidikan	Kajian memerlukan masa lebih panjang dari dijangkakan	Lain-lain pertimbangan dari semasa ke semasa
Dokumen tambahan yang perlu disertakan	Dokumen akuan daripada penyelia/institusi pengajian mengesahkan peralatan / sampel kajian bermasalah / rosak	1. Justifikasi pertukaran penyelia / tempat pengajian 2. Kelulusan daripada Jawatankuasa Cuti Belajar dan Biasiswa mengenai pertukaran penyelia / tempat pengajian 3. Sebarang pertukaran tidak dibenarkan dibuat selepas tempoh 18 bulan selepas memulakan pengajian	Dokumen akuan daripada penyelia/institusi pengajian mengesahkan nilai tambah dalam penyelidikan mengakibatkan pelanjutan masa (ie keperluan penerbitan atau peluang penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi)	Dokumen akuan daripada penyelia/institusi pengajian mengesahkan keperluan masa yang lebih panjang dari jangkaan dan justifikasi	Dokumen akuan daripada penyelia/institusi pengajian mengesahkan keperluan masa yang lebih panjang (ie masalah kesihatan memerlukan surat akuan doktor)
Laporan kemajuan setiap 6 bulan	Laporan kemajuan lengkap dihantar dalam tempoh yang ditetapkan				
Status perkembangan penulisan tesis setiap bab	Permohonan pelanjutan tempoh masa perlu disertakan dengan status perkembangan penulisan tesis dengan peratusan setiap bab dan <b>WAJIB</b> disahkan oleh Penyelia				
Tempoh permohonan pelanjutan	Permohonan tempoh pelanjutan yang lengkap dengan semua dokumen sokongan hendaklah sampai kepada urus setia sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tempoh pengajian asal tamat.				
Perancangan dalam tempoh tambah masa	Permohonan hendaklah disertakan dengan perancangan dalam tempoh tambah masa				

- 2.1 Justifikasi ini adalah untuk memastikan penggunaan masa yang optimum dalam tempoh cuti belajar digunakan sepenuhnya dan kes-kes pelanjutan tambah masa ini adalah kes yang tulen dan benar-benar diperlukan kerana pelanjutan masa ini juga memberi kesan kepada kewangan Universiti dalam bayaran elaun keluarga yang diterima oleh staf dalam tempoh tambah masa tajaan;
- 2.2 Penguatkuasaan pekeliling ini diguna pakai bagi permohonan yang memenuhi syarat mulai Januari 2018.